



## **JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

### **TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:**

**AIR MATA PALESTIN**

**Tarikh Dibaca:**

**5 RABIULAKHIR 1445H /  
20 OKTOBER 2023**

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



جَامِعَةِ إِسْلَامِ مَالَيْسِيَا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## AIR MATA PALESTIN

20 OKTOBER 2023 / 5 RABIULAKHIR 1445H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّبِّ الْعَالِيِّ :

إِن يَنْصُرْكُمُ اللَّهُ فَلَا غَالِبَ لَكُمْ وَإِن يَخْذُلْكُمْ فَمَن ذَا الَّذِي يَنْصُرُكُمْ مِّنْ بَعْدِهِ وَعَلَىٰ

اللَّهِ فَلِيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ١٦٠ (سورة آل عمران)

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسِلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَن دَعَاهُ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti bermain telefon dan berbual-bual. Tumpukan perhatian pada khutbah yang akan disampaikan, mudah-mudahan kita semua mendapat hidayah dan taufiq dari Allah SWT.

Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk: “**Air Mata Palestin**”.

Sebelum itu, khatib ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu

sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkaran.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Konflik perang di Palestin masih belum berakhir. Sehingga kini<sup>1</sup>, lebih 3,000 orang rakyat awam Palestin meninggal dunia mangsa kekejaman rejim zionis Israel. Israel yang angkuh dan sompong itu terus beranggapan bahawa mereka kuat dan tidak mampu dikalahkan kerana berselindung di sebalik kuasa-kuasa besar dunia. Mereka bertindak sangat kejam dengan terbaharu menyerang dan mengebom hospital dan orang awam. Betapa hancur luluh hati ini melihat jasad anak-anak kecil, kaum wanita, orang-orang tua dan orang awam bergelimpangan akibat diserang Zionis Israel. Lebih 1,000 kanak-kanak dilaporkan terbunu dalam 11 hari serangan udara Israel ke atas Semenanjung Gaza, purata seorang kanak-kanak terkorban setiap 15 minit.<sup>2</sup> Rejim Zionis secara terang-terangan melakukan genosid terhadap umat Islam di Palestin.

Hakikatnya mereka lupa bahawa Allah SWT menjanjikan pertolongan kepada hamba-hamba-Nya yang beriman dan bertakwa lebih-lebih lagi yang dizalimi. Allah SWT berfirman dalam Surah ali Imran ayat 160 yang dibaca pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

*“Jika Allah menolong kamu mencapai kemenangan maka tidak ada sesiapa pun yang akan dapat mengalahkan kamu; dan jika ia mengalahkan kamu, maka siapakah yang akan dapat menolong kamu sesudah Allah (menetapkan yang demikian)? Dan (ingatlah), kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman itu berserah diri”.*

Operasi Taufan al-Aqsa yang dilancarkan oleh Hamas memberi isyarat kepada dunia bahawa sungguhpun penduduk Gaza ditekan sekuat-kuatnya oleh rejim Zionis, namun mereka tetap memiliki kekuatannya tersendiri yang tidak boleh diremehkan. Operasi ini juga memberi peringatan kepada negara-negara yang cenderung menyokong dan mengikut telunjuk negara Zionis dan sekutunya bahawa mereka hanyalah seperti lembu yang dicucuk hidung oleh rejim Zionis. Zionis Israel pula sedang ghairah mengejar cita-

---

<sup>1</sup> Setakat 19 Oktober 2023

<sup>2</sup> <https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2023/10/1166895/serangan-israel-seorang-kanak-kanak-gaza-maut-setiap-15-minit>

cita mereka untuk menubuhkan negara agung Zionis (*The Greater Israel*) yang berpusat di Bait al-Maqdis dengan matlamat utamanya juga merobohkan Masjid al-Aqsa dan membina Haikal Sulaiman (kuil Yahudi) di situ.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Rakyat Palestin yang berada di Gaza khususnya terkepung dari dunia luar. Tembok-tembok besar dan tinggi yang tak ubah seperti seperti penjara dibina bagi memberi tekanan terhadap penduduk Gaza. Tujuannya supaya mereka semua lari keluar meninggalkan wilayah tersebut dan memudahkan rejim Zionis Israel menguasainya. Warga tua, kaum wanita, anak-anak kecil dikurung di penjara terbuka itu. Diberi tekanan demi tekanan. Mereka menderita di tanah air sendiri yang dirompak Zionis manakala bantuan-bantuan pula disekat masuk oleh Israel. Mereka turut dihimpit oleh pertubuhan-pertubuhan dunia yang dipengaruhi oleh Zionis yang zalim dan tidak berperikemanusiaan.

Zionis Israel mendakwa mereka pemilik asal tanah tersebut sedangkan hakikatnya mereka tidak layak pun mewarisi bumi para *anbiya'* itu lantaran mereka telah pun ditimpaknatain dan kemurkaan Allah SWT kerana sikapnya yang menderhaka dan suka menceroboh. Firman Allah SWT dalam Surah al-Maa'idah ayat 78:

لُعْنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسَانِ دَاؤُدَ وَعَيْسَى ابْنِ مَرْيَمَ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا  
وَكَلُُونَ يَعْتَدُونَ ٧٨

**Maksudnya:** “Orang-orang kafir Yahudi dari Bani Israil telah dilaknat (dalam Kitab-kitab Zabur dan Injil) melalui lidah Nabi Daud dan Nabi Isa ibni Maryam. Yang demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan selalu menceroboh”.

Mereka merampas Palestin dengan melobi kuasa besar dunia ketika itu melalui pelbagai cara dan perjanjian. Mereka memanipulasi sejarah untuk memperdayakan generasi baharu. Mereka juga sering berselindung di sebalik laungan hak asasi manusia namun sebenarnya mereka yang bertindak ganas seperti haiwan terhadap rakyat Palestin. Rakyat Palestin terus diratah tanpa belas kasihan. Selagi itulah umat Islam di sana akan hidup merana dan sengsara.

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Ketika kita di sini dapat beristirehat di kediaman yang selesa, penduduk Gaza hanya berteduh dalam runtuhan bangunan yang binasa. Ketika anak-anak kita di sini leka bermain dengan telefon, anak-anak Gaza di“dendang”kan dengan bedilan peluru dan bom. Ketika kita di sini buntu memilih aneka juadah yang banyak, mereka di sana terpaksa mencatu makanan bagi bekalan untuk hari mendatang. Ketika kita sibuk bertelagah dengan perkara-perkara *khilafiyah*, mereka di sana teguh berganding bahu mempertahankan sesama sendiri. Ketika kita masih boleh bergelak ketawa bersama keluarga tercinta, mereka di sana hilang semuanya sekelip mata. Ketika kita di sini masih boleh merancang untuk bersiar-siar, ketahuilah bahawa mereka di sana menunggu giliran untuk syahid.

Mereka juga saudara kita yang wajib kita kasihi dan dibantu apatah lagi dalam keadaan mereka yang ditindas dan dizalimi. Mereka sangat memerlukan bantuan dan sokongan daripada negara-negara luar terutamanya saudara-saudara seiman. Hadis yang diriwayatkan oleh Nu'man bin Basyir RA bahawa Nabi SAW bersabda:

مَثْلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادِّهِمْ وَتَرَاحِمِهِمْ وَتَعَافُطِهِمْ مَثْلُ الْجَسَدِ، إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عَضُُوهٌ  
تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحَمِيمِ

**Maksudnya:** “Perumpamaan orang mukmin dalam sikap saling mencintai, mengasihi dan menyayangi seumpama tubuh. Jika satu anggota tubuh sakit, maka anggota tubuh yang lain akan susah tidur atau merasakan demam”. (**Hadis riwayat Imam Muslim**)

Palestin akan terus menangis selagi rejim Zionis menjajah negara mereka. Air mata rakyat Palestin akan terus membasihi buminya menyuburkan semangat *intifadah*. Darah para *syuhada* akan membajai semangat perjuangan untuk mati syahid. Maka, umat Islam harus bersatu membina kekuatan dengan berterusan memberi pendedahan dan membongkar kejahanan rejim Zionis Israel. Generasi muda perlu ditanamkan dengan semangat kecintaan terhadap bumi Palestin. Perbezaan ideologi politik pula bukan halangan untuk kita sama-sama menunjukkan sokongan dan dokongan terhadap perjuangan Palestin.

Justeru, marilah kita sama-sama menghulurkan bantuan dan sumbangan sama ada berbentuk wang ringgit mahupun secebis doa yang ikhlas kepada Allah SWT agar menyelamatkan umat Islam di Palestin. Sebahagian tabung kutipan Jumaat di tiga masjid utama JAKIM pada hari ini juga akan disalurkan kepada rakyat Palestin. Semoga Allah SWT menerima segala sumbangan kita sebagai jihad harta pada jalan Allah. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ جَهَّزَ غَارِيًّا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَقَدْ غَرَّ، وَمَنْ خَلَفَ غَارِيًّا فِي أَهْلِهِ بِخَيْرٍ فَقَدْ غَرَّ

**Maksudnya:** “Barangsiapa yang mempersiapkan keperluan orang yang berperang pada jalan Allah, maka dia dianggap telah ikut berperang. Dan barangsiapa yang menjaga keluarga orang yang berperang dengan baik maka dia dianggap telah ikut berperang”. (**Muttafaq ‘alaih**)

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin membuat beberapa rumusan:

**Pertama:** Allah SWT menjanjikan pertolongan kepada hamba-hamba-Nya yang beriman yang memperjuangkan agama-Nya. Sesungguhnya Allah SWT tidak memungkiri janji-Nya.

**Kedua:** Rakyat Palestin ditekan saban hari supaya mereka lari keluar meninggalkan bumi Palestin. Namun, kekentalan dan keteguhan hati umat Islam di sana terus mempertahankan tanah air mereka daripada dikuasai oleh rejim Zionis.

**Ketiga:** Umat Islam perlu bersatu tanpa mengira perbezaan ideologi politik terutamanya dalam menyatakan sokongan dan pertolongan terhadap rakyat Palestin yang menjadi mangsa kekejaman rejim Zionis.

Renungkan firman Allah SWT:

وَلَا تَحْسِبَنَّ اللَّهَ غَفِلًا عَمَّا يَعْمَلُ الظَّالِمُونَ إِنَّمَا يُؤَخِّرُهُمْ لِيَوْمٍ تَشَخَّصُ فِيهِ الْأَبْصَرُ

**Maksudnya:** “Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) menyangka Allah laai akan apa yang dilakukan oleh orang-orang yang zalim; sesungguhnya Dia hanya melambatkan balasan mereka hingga ke suatu hari yang padanya terbelia kaku pemandangan mereka, (kerana gerun gementar melihat keadaan yang berlaku)”. (**Surah Ibrahim ayat 42**)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَأَيَاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقْبِلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تَلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ。 أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ。

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهٰلِ  
 وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ۔  
 أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ۔  
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقًّا تَقْعِيَةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
 بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلٰى  
 النَّبِيِّ يَا يٰيَاهَا أَلَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوٰا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيماً ۖ  
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيَتَ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ  
 سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا  
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ۔  
 وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِ  
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ۔  
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمَوَاتِ۔  
 اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ جَلَالَةً مَلَكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يَعِشْ مِنْهَا  
 مُولِيَا سَرِيْ قَدْوَكَ بِكِينِدا يَعِشْ دَفْرُتوَانِ اكْنُوَغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللّٰهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى  
 بِاللّٰهِ شَاهِ بْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجَ أَحْمَدَ شَاهِ الْمُسْتَعِنِ بِاللّٰهِ۔  
 وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَعِشْ مِنْهَا مُولِيَا سَرِيْ قَدْوَكَ بِكِينِدا رَاجِ فَرْمَايِسُورِيِّ اكْنُوَغْ، تُونِكُو  
 عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونَهِ إِسْكَنْدَرِيَهِ بَنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلٰى اللّٰهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ  
 الْحَاجِ۔  
 اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوَزَرَاءَهُ وَقُضاَتِهِ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ  
 يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ۔

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمِنٍ وَآمَانٍ،  
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعْرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِنْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِّ كَلْمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِلِينَ، الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْرَاجَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ  
بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ، اللَّهُمَّ شَتَّ شَمْلَهُمْ وَفَرِقْ جَمْعَهُمْ وَاجْعِلْ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ،  
اللَّهُمَّ أَحْصِهِمْ عَدْدًا، وَاقْتُلْهُمْ بَدْدًا، وَلَا تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ أَنْزَلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ  
عَاوَنَهُمْ، بَاسْكَ الَّذِي لَا يُرِدُ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ. اللَّهُمَّ أَرْسِلْ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ،  
تَرْمِيهِمْ بِحَجَارَةَ مِنْ سَجِيلٍ، فَعَلَيْهِمْ كَعَصْفَ مَأْكُولٍ.  
اللَّهُمَّ انصِرْ إِخْرَاجَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعِفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

Ya Allah! Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya hanya kepada Engkau kami merayu memohon pertolongan. Ampunilah dosa seluruh kaum Muslimin. Selamatkanlah saudara-saudara kami kaum Muslimin yang ditindas di Palestin dan di mana-mana sahaja mereka berada. Ya Allah! Kasihanilah mereka yang selama ini menjadi mangsa kekejaman Zionis Israel. Keluarkan mereka dari penindasan serta kesempitan yang mereka alami selama ini. Ya Allah! Dengarlah doa dan suara kami ini. Sesungguhnya kami tidak sanggup lagi melihat saudara-saudara kami dibunuhi dan diperlakukan dengan kejam oleh Zionis Israel. Hapuskanlah segala kezaliman yang ada di muka bumi ini. Kurniakanlah kekuatan dan kemenangan kepada saudara-saudara kami kaum Muslimin di Palestin. Berikanlah kepada pejuang-pejuang Islam serta rakyat Palestin kekuatan serta kesabaran menghadapi kekejaman musuh. Ya Allah! Kembalikanlah Bumi Palestin ke pangkuan kaum Muslimin.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي ثُورِ أَعْدَاءِنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِدْ شَمْلَهُمْ، وَفَرِقْ  
جَمْعَهُمْ وَشَتَّ كَلْمَتَهُمْ، وَزَلَّلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلَطْ عَلَيْهِمْ كَلَّا مِنْ كِلَّا بَكَ، يَا قَهَّارَ، يَا  
جَبارَ، يَا مُنْتَقِمَ يَا اللَّهُ. اللَّهُمَّ يَا مُنْزَلَ الْكِتَابِ، يَا مُجْرِي السَّحَابِ، يَا هَازِمَ الْأَخْزَابِ،  
إِهْزِمْ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ، إِهْزِمْهُمْ! وَانْصِرْ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالجُنُونِ، وَالجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا آتَانَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعْلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَةِ يَزِيدُكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.